

26 OCT 2002

Mahathir-Pentadir

MALAYSIA MILIKI PENTADBIR BAIK, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 26 Okt (Bernama) -- Malaysia bernasib baik kerana memiliki jentera pentadbiran yang sangat baik sehingga berjaya membawa pembangunan negara ke tahap yang amat membanggakan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini.

Beliau berkata semasa negara baru mencapai kemerdekaan, perdana menteri ketika itu Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj mengambil sikap berhati-hati dengan mengekalkan ramai pentadbir British untuk memajukan negara.

"Tetapi Alhamdulillah, para pentadbir tempatan berjaya mengambil alih sedikit demi sedikit dan selepas mengambil alih sepenuhnya, pentadbiran negara bukanya merosot, sebaliknya berkembang maju menjadi lebih cekap dan berkesan sehingga diperakui negara-negara luar kini," katanya semasa berucap pada majlis jamuan malam tahunan Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik di Hotel Putrajaya Marriott di sini.

Beliau berkata kejayaan konsep Persyarikatan Malaysia banyak membabitkan komitmen pentadbir untuk bekerjasama dengan sektor swasta dalam memajukan negara.

Menurutnya suatu ketika dahulu, para pentadbir diasingkan dari orang ramai kerana dikhuatiri menimbulkan pelbagai masalah seperti rasuah dan sebagainya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata konsep yang diambil dari Jepun itu berjaya diguna pakai dengan jayanya di Malaysia tanpa dibebani masalah seperti rasuah.

Beliau berkata ia dapat dilaksanakan kerana Malaysia mempunyai golongan pentadbir yang efisien dan mampu berurusan dengan baik dengan masyarakat perniagaan.

"Semua harus faham bahawa sekiranya inginkan negara menjadi maju, masyarakat perniagaan ini mesti berkembang untuk membayar cukai kepada negara. Hakikatnya kalau sektor swasta berjaya, perkhidmatan awam juga berjaya dan negara mendapat keuntungan," katanya.

Menurutnya konsep e-kerajaan dan e-ekonomi yang berasaskan pengetahuan yang cuba diterapkan kerajaan dapat dilaksanakan di negara ini dengan komitmen para pentadbir awam negara.

Dr Mahathir juga berkata beliau berharap pada masa depan, Malaysia tidak akan menghadapi masalah seperti sekarang berhubung penjualan air mentah kepada Singapura.

"Kita tidak semak implikasi perjanjian. Sebab itu hari ini, kita masih jual 1,000 gelen air mentah dengan harga 3 sen seperti yang dipersetujui British pada 1927.

"Bila tiba masa disemak, entah bagaimana kita tidak semak, sebab itu kita berpendapat untuk perlu beri lebih tumpuan kini kepada masalah membuat perjanjian, keluarkan kontrak dan sebagainya supaya ia cukup baik dan kerajaan tidak alami apa-apa kerugian darinya," katanya.

Dr Mahathir turut mencadangkan supaya para pentadbir diplomatik menggunakan title "PTD" atau MCS (Perkhidmatan Awam Malaysia) pada penghujung nama sebagaimana gelaran yang dipakai oleh doktor (Dr) dan Jurutera (Ir).

-- BERNAMA

AZH AZH NAK